

HUBUNGAN KOMUNIKASI INTRAPERSONAL DAN INTERPERSONAL
DENGAN MOTIVASI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH
DI PESISIR PANTAI NEGERI TERENGGANU

OMAR BIN ADAM

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2007

**Hubungan Komunikasi Intrapersonal dan Interpersonal
Dengan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah
di Pesisir Pantai Negeri Terengganu**

OMAR BIN ADAM

**Tesis Ini Dikemukakan Bagi Memenuhi Syarat
Untuk Ijazah Sarjana Sains Di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu**

Disember 2007

1100068314

Skripsi yang diserahkan kepada Senat Universiti Malaysia
Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Sarjana Sains (Kaedah)

Hubungan Komunikasi Intrapersonal dan Interpersonal
Dengan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah
di Pihak Barat Negeri Terengganu

Oliver bin Adam

Disember 2007

**Didedikasikan kepada Allahyarham bapaku, Adam bin Kassim
Khas untuk ibu tersayang, Fatimah binti Embong
Isteri tercinta, Rabiah binti Deris
Serta anak-anak yang dikasihi
Mirza Syarafuddin dan Husna Syafiqah
Pengorbanan kalian amat dihargai.**

**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia
Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Sarjana Sains (Komunikasi)**

**Hubungan Komunikasi Intrapersonal dan Interpersonal
Dengan Motivasi Pelajar Sekolah Menengah
di Pesisir Pantai Negeri Terengganu**

Omar bin Adam

Disember 2007

Pengerusi : Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin, Ph.D

Ahli : Profesor Madya Mohd Nordin Mohd Abdullah

Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan komunikasi intrapersonal dan interpersonal dengan motivasi pelajar di sekolah-sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. Reka bentuk kajian yang dilaksanakan dalam kajian ini menggunakan pendekatan kaedah lapangan atau tinjauan yang bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku menerusi data yang diperolehi daripada borang soal selidik. Responden kajian yang dipilih secara rawak adalah terdiri daripada 310 pelajar Tingkatan 4, melibatkan daerah yang mengunjur di sepanjang pantai Negeri Terengganu iaitu, Kemaman, Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut.

Dapatan kajian mendapati wujud hubungan positif yang signifikan antara komunikasi intrapersonal dan interpersonal dengan motivasi. Malah, kajian turut menunjukkan wujudnya perbezaan komunikasi intrapersonal, interpersonal dan motivasi pelajar berdasarkan faktor demografi terpilih seperti jantina, kategori sekolah, kategori pekerjaan ibu, pendapatan keluarga dan bilangan ahli keluarga.

Analisis regresi yang dijalankan mendapati wujudnya dimensi peramal komunikasi intrapersonal dan interpersonal terhadap motivasi pelajar. Dapatan menunjukkan sumbangan yang lebih besar terhadap motivasi pelajar wujud apabila faktor demografi terpilih diambil kira. Walau bagaimanapun sebahagian faktor demografi yang terlibat dalam kajian iaitu, pekerjaan bapa, pendidikan ibu bapa dan tempat tinggal tidak mempunyai hubungan dan memberi kesan kepada hubungan antara komunikasi intrapersonal dan interpersonal terhadap motivasi pelajar.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati komunikasi intrapersonal dan interpersonal penting terhadap motivasi pelajar di sepanjang pesisir pantai di negeri Terengganu, terutama apabila dikaitkan dengan beberapa faktor demografi terpilih. Bagi kajian lanjutan, dicadangkan penerokaan terhadap kesan faktor-faktor lain seperti bentuk pengajaran, guru, institusi, rakan sebaya, masyarakat, minat dan tahap disiplin pelajar. Kajian ini wajar diperluaskan ke lokasi yang berbeza mengikut daerah, negeri, institusi atau jenis responden seperti pelajar pintar, pekerja dan ibu bapa.

**Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia
Terengganu in fulfillment of the requirement for
the degree of Master Science (Communication)**

**Relationship Between Intrapersonal and Interpersonal
Communication With Students' Motivation at Secondary Schools in
The Coastal Area in Terengganu**

Omar bin Adam

Disember 2007

Chairperson : Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin, Ph.D
Committee : Prof. Madya Mohd Nordin Mohd Abdullah
Faculty : Pengurusan dan Ekonomi

This research was intended to scrutinize the relationship between intrapersonal and interpersonal communication with students motivation at selected secondary schools in the state of Terengganu. Field study or survey was used in this research design to explain specific phenomenon by analyzing the data obtained from questionnaires. 310 respondents were selected at random amongst Form Four students from schools along the coastal areas of Terengganu, which included Kemaman, Dungun, Marang, Kuala Terengganu, Setiu and Besut.

From the result, it can be seen that there is a positive significant correlation between intrapersonal and interpersonal communication with motivation. Furthermore, the study also showed a difference between intrapersonal, interpersonal communication and students motivation with in a few specific areas of demography namely gender, school category, respondents' mother occupation, family income and number of family member.

Regression analysis showed that intrapersonal and interpersonal communication affected students motivation. The analysis also shows that certain demographic factors have bigger impacts. However, demographic factors like respondents' father occupation, parents educational background and where the respondents stay do not have an impact on the relationship between intrapersonal and interpersonal communication with motivation.

In conclusion, this research found that intrapersonal and interpersonal communication are important in uplifting the motivation of students in the coastal areas of Terengganu, especially when related to the selected demographic factors. Further studies need to be carried out to explore the impact of other factors like teaching styles, teachers, institutions, peers, communities, interests and level of discipline in students. These studies should be extended to different location according to district, state, institution or types of respondents for example gifted students, workers or parents.